

BERITA HARIAN

Bekas pegawai Inggeris terkenal KL

Gullick pernah jadi jiran Tunku, kagum kepesatan pembangunan ibu negara

BH-19/7/2007.



Malaysiaku Gemilang

Oleh John Gullick

KUALA LUMPUR tidak mengalami banyak kerosakan ketika Perang Dunia Kedua, walaupun pada Ogos 1945 pasukan pengebom bersekutu hampir memusnahkan kawasan peralatan kereta api dan menghancurkan Muzium Persekutuan Negeri Melayu (kini dibina semula sebagai Muzium Negara).

Selepas peperangan, Kuala Lumpur kembali sesak dengan penduduk seramai 200,000 orang berbanding 120,000 orang sebelum perang. Bilangan itu meningkat kerana ramai orang lari dari kawasan desa yang menjadi tidak terkawal atau datang untuk mencari pekerjaan.

Pada 1951, 85,000 orang menduduki sekitar 10,000 rumah sementara yang terdiri daripada rumah setinggan dan rumah papan yang agak teguh. Rumah ini dibina di atas tanah biasa tanpa hak milik sah, yang diasingkan untuk program pembinaan terancang atau dianggap tidak sesuai kerana kawasan itu berpaya atau banjir.

Disebabkan sukar hendak membangunkan kawasan perumahan, pihak perancang akhirnya mengambil keputusan un-

tuk membuka sebuah bandar baru - Petaling Jaya, asalnya untuk mengatasi kesesakan dan masalah setinggan di Kuala Lumpur.

Seperti sebelum perang juga, masyarakatnya dibahagi dua, birokrasi kolonial di sebelah barat Sungai Klang, dan di sebaliknya sektor perniagaan yang terbahagi antara penduduk tempatan pelbagai kaum. Rumah kedai pula biasanya dikendalikan orang Cina, manakala di pejabat penempahan tiket kereta api orang India bekerja di situ dan di balai polis yang menjadi sarjan adalah orang Melayu.

Wujud juga pengenalan kaum mengikut kawasan seperti China Town, Kampung Baru, Bangsar dan Sentul. Walaupun mereka berhubung baik antara satu sama lain, gagasan untuk mengadakan wakil atau mungkin majlis perbandaran yang dilantik hanya terhasil pada 1952 tetapi ternyata, ia tidak berkembang.

Sebagai seorang ahli sejarah amatir, saya percaya kefahaman mengenai zaman silam menjadi bahan penting daripada sudut pandangan semasa. Satu titik sejarah bagi Kuala Lumpur adalah apabila terbitnya akhbar *Malay Mail* pada 1955 yang membuat liputan mengenai imbasan kembali warga tua yang boleh mengingati peristiwa sejauh 1890.

Kemudian pada Julai 1956, diadakan perayaan kebudayaan selama tiga hari di Tasik Perdana. Saya teringat masa saya berjalan di antara orang ramai yang asyik menyaksikan persembahan tarian atau drama di atas pentas, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj merasmikan pembukaan perayaan itu dengan menaiki sebuah perahu merentasi tasik.

Pada Oktober 1951, berlaku satu peristiwa

muram, pengebumian Sir Henry Gurney, yang terbunuh ketika serang hendap di jalan raya menghala ke Bukit Fraser. Sekali lagi saya berdiri di kalangan orang ramai untuk menyaksikan perarakan mayat Gurney melalui Jalan Raja. Upacara sembahyang di Gereja St Mary dipancarkan melalui pembesar suara.

Saya teringat pada akhir upacara dibacakan petikan daripada 'Pilgrim's Progress' oleh John Bunyan yang antara lain berbunyi: "Pedang saya, saya serahkan kepadanya untuk menggantikan saya semasa saya pergi menziarah ke tempat yang suci... maka beliau menyerahkan, dan trompet ditiupkan baginya di sebelah sana."

Pihak pemerintah mungkin teringat kepada perjumpaan yang diadakan di Kuala Lumpur apabila mereka keluar di balkoni Hotel Station, ada yang hampir menangis, kerana terpaksa tunduk kepada permintaan perhimpunan Melayu yang berada di luar supaya memboikot pelantikan Gabenor Malayan Union yang mereka tentang dengan hebat.

Wujud juga detik dramatik lain di Kuala Lumpur. Satu daripadanya adalah apabila Sir Gerald Templer enggan menghadiri jamuan makan di Lake Club kerana Sultan Selangor tidak dijemput sebagai tetamunya. Alasannya kelab itu ingin mengekalkan ciri eksklusif untuk orang Eropah saja.

Namun, ada juga episod yang kurang menonjol dalam sejarah. Pada 1950, saya tinggal di sebuah rumah yang dibina di antara kelompok rumah baru yang diperbuat daripada kayu dan atap zink. Rumah yang terletak di hujung Jalan Kia Peng berhampiran dengan Simpang Jalan Tun Razak ini dibina sementara untuk mengatasi masalah kekurangan rumah.

Seorang daripada jiran saya ketika itu ialah seorang peguam dari Kedah. Beliau baru saja dilantik sebagai pegawai rendah di Jabatan Peguam Negara. Beliau adalah Tunku Abdul Rahman.

Ketika krisis kepemimpinan Umno sampai ke kemuncaknya, kami pegawai asing memerhatikan deretan kereta membawa 'kuasa tempatan' datang menemui Tunku. Pada ketika itu kami tidak sedar bahawa Tanah Melayu sedang mencari orang yang akan menentukan nasibnya.

Sejak saya pulang (untuk bercuti) pada 1956, saya melawat semula Kuala Lumpur sebanyak enam kali, terakhir pada 1998. Selain saiznya bertambah luas, infrastruktur ibu negara sudah wujud bangunan Parlimen dan Tugu Peringatan Negara di Tasik Perdana, stadium, bangunan pencakar langit, Menara Berkembar Petronas dan lain-lain untuk menempatkan institusi politik dan ekonomi sebuah negara merdeka serta lapangan terbang dan hotel untuk bilangan besar pelancong dan pelawat yang datang berkunjung - semuanya menarik perhatian pelawat asing.

Seperti di kota besar lain di merata dunia, kereta adalah raja di jalan raya. Pada zaman dulu, anda boleh memilih untuk berjalan kaki saja ke destinasi anda, tetapi kini tempatnya tidak lagi mesra untuk pejalan kaki. Ini tidak dapat dinafikan adalah rungutan daripada orang lama seperti saya.

Penulis adalah bekas pegawai Perkhidmatan Awam Tanah Melayu yang berkhidmat di Pejabat Penubuhan Persekutuan (1955 hingga 1967). Beliau berusia 92 tahun, kini berehat di kediamannya di Essex, England.